

Hudud bukan hukum bermusim - Jamil Khir
Utusan Online
September 28, 2011

KUBANG PASU 27 Sept. - Hukum hudud bukan isu bermusim seperti yang dimainkan oleh parti pembangkang, namun ia adalah hukum yang perlu dilaksanakan secara berterusan jika pemimpin pembangkang benar-benar mahu melaksanakan hukum tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, tidak perlu pemimpin politik terus bercakap mengenainya untuk mendapat sokongan rakyat, kerana hudud adalah hukum Allah dan semua umat Islam perlu menerimanya.

"Di negara kita, hukum hudud ini sudah menjadi macam satu perkara bermusim serta menjadi ungkapan bagi pihak-pihak tertentu.

"Hukum hudud bukan soal retorik dan kita perlu cari kesefahaman sesama kita, bukan nak cari mana pemimpin yang benar atau salah," katanya kepada pemberita selepas Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Abdul Halim (Polismas) Jitra di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas perbalahan antara Pas dan DAP yang semakin memuncak dalam isu pelaksanaan hukum hudud apabila pemimpin kedua-dua parti tetap berkeras dengan pendirian masing-masing.

DAP melalui Setiausaha Agungnya, Lim Guan Eng mengugut bahawa pemimpin kanan parti itu akan meletak jawatan beramai-ramai jika Pas meneruskan hasrat melaksanakan undang-undang Islam itu.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pula tidak mepedulikan tentangan keras DAP itu, malah kerajaan negeri Kelantan kini dalam usaha memasukkan enakmen hudud dalam senarai hukum di Mahkamah syariah.

Menurut Jamil, umat Islam di negara ini juga tidak harus berpecah dalam soal hukum hudud supaya agama Islam tidak menjadi tohmahan pengikut agama lain.

"Apa yang perlu umat Islam lakukan ialah gabungan penyatuan umat Islam dengan ketetapan pegangan akidah kita.

"Di dalam Perlembagaan, agama Islam ialah agama rasmi kita dan itu adalah platform untuk umat Islam untuk terus maju di negara ini," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0928&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm